



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(PERKHIDMATAN NYAHENAP CEMAR) 2021
MAMPU MENGURANGKAN RISIKO PENCEMARAN SUMBER AIR**

1. Dianggarkan terdapat 1.3 juta premis di Malaysia yang masih menggunakan tangki septik. 90% daripada pemilik premis ini tidak menyelenggara dan mengosongkan tangki septik secara berkala. Tindakan ini menyebabkan berlakunya pencemaran ke atas sumber air. Penyelenggaraan atau nyahenap cemar secara berjadual amat penting bagi melindungi masyarakat daripada terdedah kepada penyakit bawaan air seperti taun, hepatitis dan sebagainya.
2. Oleh itu, semua pemilik, perbadanan pengurusan atau penghuni mana-mana premis bersambung dengan tangki septik atau mempunyai tangki septik perlu melakukan nyahenap cemar secara berjadual berdasarkan kepada pewartaan “**Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021**” yang telah berkuatkuasa mulai 30 Mac 2021. Kerja-kerja nyahenap cemar secara berjadual ini akan dilakukan oleh Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd.
3. Bagi memastikan peraturan baharu ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, **notis pemberitahuan untuk melakukan kerja nyahenap cemar akan dikeluarkan secara berperingkat kepada pemilik premis mulai 1 Jun 2021**. Jadual nyahenap cemar adalah seperti berikut:
 - i. tangki septik di dalam kawasan pengoperasian pihak berkuasa tempatan (PBT), nyahenap cemar dijadualkan setiap **2 tahun sekali**; dan
 - ii. tangki septik yang terletak di luar sempadan mana-mana PBT, nyahenap cemar dijadualkan setiap **3 tahun sekali**.

- Tamat -

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pemilik tangki septik juga boleh mendapatkan perkhidmatan nyahenap cemar daripada IWK di luar penjadualan, sekiranya tangki septik memerlukan pengosongan yang lebih cepat daripada tarikh penjadualan asal.
2. Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai pelaksanaan “Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021” ini, pemilik premis boleh menghubungi pihak IWK di talian:
 - i. 03-2780 1100;
 - ii. memuat turun applikasi mudah alih IWK di Google Play Store, Apple App Store dan Huawei AppGallery;
 - iii. melayari laman web www.iwk.com.my